

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 22 September 1974 > Page 3 > Jamil Sulong menoleh semula detik2 peristiwa yg sering mencubit2 ingatannya

Jamil Sulong menoleh semula detik2 peristiwa yg sering mencubit2 ingatannya

Berita Harian, 22 September 1974, Page 3

Article also available on Microfilm Reel NL8050

Add to Citation

Previous Article

Next Article

Previous Page

Next Page

Jamil Sulong menoleh semula detik2 peristiwa yg sering mencubit2 ingatannya

URA yang adi tuman beratan ma-ajak sebe-ang dunia tidak da-gkal oleh tetap term lipatan

kan poli-tan baha-angan ke-i, kema-n dan ber-ang kehi-in keba-ula berde-nya di Si-

rang yang likit seba-menyum-khidmat jasti tidak ipakan de-peristiwa an yang Singapu-

rang yang ma-sama ung da-an tadi se-sebelum ua dan se-pasti gem-menge-bali saat-duka itu.

JAMIL SULONG
Berada di sini untuk penggambaran film "Permintaan Terakhir"

Sulaiman Jeem MENGENANG KEMBALI

SINGAPURA yang menjadi tumpuan kegiatan berbagai kegiatan masyarakat sejak sebelum perang dunia kedua itu tidak dapat disangkal oleh sesiapa. Ia tetap tercatat dalam lipatan sejarah.

Pergerakan politik, kegiatan baha-sa, perjuangan kebudayaan, kema-juan sukan dan berbagai cabang kehi-dupan lain keba-nyakan mula berde-nyut nadinya di Singapura.

Information

Newspaper: Berita Harian
Date: 22 September 1974
Reel Number: NL8050

Share

Table of Contents

< Previous Page 3 Next >

Jamil Sulong menoleh semula detik2 peristiwa yg sering mencubit2 ingatannya


Jamil Sulong menoleh semula detik2 peristiwa yg sering mencubit2 ingatannya Sulaiman Jeem MENGENANG

Halaman 3 Iklan Ruangan 1


Halaman 3 Iklan Ruangan 2

Jamtangan yang mengekang inf lasil A Atasilah inflasi dengan menggunakan jamtangan Rado, satu jawapan

View Full Table of Contents



Setiap orang yang pernah sedikit sebanyak ikut menyumbangkan khidmat baktinya pasti tidak sukar melupakan detik-detik peristiwa perjuangan yang berlaku di Singapura itu.




Orang-orang yang pernah sama-sama berkecimpung dalam kegiatan tadi sejak masa sebelum perang kedua dan sesudah itu pasti gembira bila mengenang kembali saat-saat suka duka itu.


Perjuangan - kegiatan tadi kian bersemarak dan bergema dalam tahun-tahun lima puluhan dan awal enam puluhan. Ini semua orang mengetahuinya.

Kesemarakan itu ialah kerana ramai rakan seperjuangan dari Indonesia, Malaya (kini Malaysia), Brunei, Kalimantan Utara ikut sama memberikan khidmat bakti mereka.


Kemampuan



Mereka tidak mahu ketinggalan turun naik dengan gelombang perjuangan tadi. Mereka, dengan kemampuan dan daya masing-masing, sedikit sebanyak telah memberi jiwa dalam perjuangan tersebut.



Nama-nama yang pernah kita baca di dada-dada akhbar seperti Tongkat Waran, Keris Mas, Abu Zaki, Awamil Sirkam, Asraf, Keris Mas, Zubir Said, Ishak Haji Muhammad, Allahyarham Dr. Burhanddin dan ramai yang lain-lain lagi telah mendarahi perjuangan bahasa, budaya-politik di Singapura sejak tahun-tahun lepas perang kedua.



Kemudian dalam lapangan perfileman, TV, radio, muzik, drama dan berbagai lagi kenangan kita akan kembali mengingat banyak nama yang bukan

berasal dari Singapura.

Jika mahu juga kita mengingatinya terpaksa kita se-

naraikan nama-nama: Allahyarham P. Ramlee, Zain Mahmud, Omar Rojek, Ahmad Mahmud, Zain Hamzah, Siti Hawa Zain, Zahrah Zaaba Abu Bakar Ahmad, Hashim Hassan dan ramai yang lain lagi termasuk Jamil Sulong.

Tetapi sejak belakangan ini nama-nama tadi sudah jarang kita tatap. Samada dalam akhbar-majalah tempatan atau TV-radio.

Mereka sudah pindah ke tempat lain. Namun begitu mereka, kebanyakannya, terus dengan cita-cita dan perjuangan masing-masing.

Ada yang masih ingat bahawa kegiatan mereka masa lalu di Singapura itu sebagai 'satu bengkel' untuk mencapai kedudukan yang mereka capai sekarang. Benarkah pendapat itu?

Ada pula yang berpendapat bahawa kalau seseorang sudah boleh berjaya di Singapura, maka dia akan boleh berjaya di mana saja dalam hidupnya masadepan.

Benarkah pendapat itu? Sukar diberikan jawapannya yang tepat.

Apapun hujah yang diberikan, namun para aktivis dan pejuang tadi sudah tercerai dari Singapura. Dan sudah terang bahawa perceraian itu berlaku akibat dari tercerainya dua negara Singapura dan Malaysia. Itulah hakikatnya. Namun usaha dan perjuangan mereka tetap tidak berubah.

Dan baru-baru ini seorang yang pernah ikut memberi khidmat baktinya ke arah kemajuan filem Melayu terkenang kembali jejak-liku hidup yang pernah dirasainya di

Singapura dulu.

Pengarah Jamil Sulong yang tidak asing kepada kita semua tidak dapat melupakan peristiwa-peristiwa yang pernah dialaminya di Singapura sejak 1951. Peristiwa-peristiwa itu sering mencubit-cubit ingatannya.

Dan selama dua hari di Singapura membuat penggambaran filem ha-



pengalaman menja-
runya Permintaan Ter-
akhir, Jamil gembira me-
nemui rakan-rakan la-
manya. Dia tidak dapat
melupakan bagaimana dia
memulakan hidupnya da-
lam bidang perfileman se-
hingga mencapai apa yang
dijawatnya sekarang.

Jamil tidak dapat me-
nyingkirkan ingatan la-
manya ketika bersama de-
ngan teman-teman la-
manya dalam perusaha-
an Filem Jalan Ampas,
makan nasi bungkus, ga-
mam menghadapi kame-
ra dan seribu satu macam
telatah setiap petugas da-
lam studio Jalan Ampas
selama 16 tahun itu. Ja-
mil tidak ragu-ragu me-
nyatakan bahawa di Si-
ngapuralah cita-citanya
hendak menjadi seorang
pengarah filem mula ber-
tolak.

Pengarah

Dilahirkan di Parit Su-
long, Batu Pahat pada
1926 dan mendapat pen-
didikan sekolah Melayu,
Inggeris dan Ugama, Ja-
mil mula menceburkan di-
ri dalam bidang perfile-
man di Singapura pada
1951.

Terkenang kembali Ja-
mil bagaimana dia 'di-
marahi' oleh pengarah-
pengarah K.M. Basker,
B.N.Rao, S. Rama-
nathan, Phani Majundar
ketika dia mula-mula ber-
tugas sebagai penolong
pengarah.

Jamil juga pernah mem-
bantu pengarah TV
Amerika, bernama Black-
stone, untuk filemnya
berjudul 'The Jade
Buddha'.

Melalui tugasnya itu ba-
nyak pengalaman telah
diperoleh. Jamil tidak ki-
ra penat. Soal gaji juga
pada masa itu tidak men-
jadi beban fikirannya.
Apa yang dia mahu ialah
pengalaman kerana ia su-
kar didapati disekolah.

Kerana itu selain ber-
tugas sebagai pembantu
pengarah, Jamil juga ikut
berlakun, menyusun lirik
lagu filem. Antaranya ia-

lah lagu-lagu ciptaan
Allahyarham Yusof B., P.
Ramlee, Osman Ahmad.

Lagu-lagu ciptaan me-
reka tadi untuk disipkan
dalam filem-filem: Anak-
ku Sazali, Hang Tuah, Se-
merah Padi dan banyak
yang lain-lain lagi.

Melihat kebolehan dan
kesungguhannya, Jamil
kemudian dilantik men-
jadi pengarah pada 1958.
Dia mula melangkah me-
nuju cita-citanya.

Sebenarnya Jamil ada-
lah anak Melayu kedua di-
berikan kesempatan men-
jadi pengarah di samping
Allahyarham P. Ramlee.

Jamil, bagaimanapun,
berbeza dengan penga-
rah-pengarah lain sebe-
lumnya. Terutama para
pengarah dari India. Per-
bezaannya ialah Jamil ti-
dak mahu menjadikan fi-
lem-filem arahnya se-
bagai hiburan semata.

Dia mahu menjadikannya sebagai salah satu alat
untuk mendidik dan

membimbing masyarakat di samping hiburan. ini menurutnya, penting. Kalau tidak fungsi filem sebenarnya akan sesia.

Azamnya itu tidak saja terangkai dalam untai kata. Dia buktikannya melalui filem-filemnya: Isi Neraka, Bidasari, Hati Muda, Budi dan Dosa, Mambang Moden, Jebat Maut, Jefri Zain, Kaca Permata, Gerhana.

Dengan tugasnya baru itu, Jamil berazam menimbulkan semula cerita-cerita sejarah dan kelasik Melayu untuk perhatian-pertimbangan masyarakat.

Azam itu dijemakan. Sambutannya begitu baik. Kesannya beberapa cerita tadi yang hanya diketahui melalui lisan, kini sudah tersebar menerusi tulisan.

Antaranya Raja Laksemana Bentan, Seri Tanjung, Lela Manja, Si Tanggang, Lubalang Dak, Dayang Senandung dan Raja Bersiong.

Mengenai Raja Bersiong, Jamil adalah pengarah Melayu pertama di Singapura mendapat penghormatan mengarahkan filem bertatawarna itu. Cerita karya Tengku Abdul Rahman, pada waktu itu sebagai Perdana Menteri Malaysia, mendapat sambutan baik dari para peminatnya.

Hormat

Dan melalui filem itu, nama Jamil juga sebagai pengarah kian terkenal.

Dan kini juga Jamil merupakan pengarah filem Merdeka Studio pertama diberikan penghormatan mengarahkan filem bertatawarnanya berjudul Permintaan Terakhir.

Sebelum memasuki Studio Merdeka, Jamil bertugas sebagai pengarah di Filem Negara. Dari sinilah Jamil berkesempatan melawat Indonesia, Hong Kong untuk menjalankan tugasnya itu.

Sebelum itu, Jamil berpindah dari Singapura ke Merdeka Filem setelah Studio Jalan Ampas dikuburkan pada Oktober 1967.

Selain terkenal sebagai pengarah filem, Jamil juga terkenal sebagai cerpenis, kartunis dan novelis. Banyak karyanya telah diterbitkan dalam majalah-majalah: Mestika, Hiburan, Mutiara, Kencana, Bintang, Gelanggang Filem, Bintang, Juwita dan juga dalam akhbar-akhbar Utusan Melayu dan Utusan Zaman.

Dan antara novel-novelnya 'Rumah Neraka' lah yang telah mendapat perhatian masyarakat.

Dan waktu ke Singapura itu, Jamil juga tidak lupa tentang Persama sebuah persatuan yang bercita-cita memperjuangkan dan membela kepentingan para artis filem.

Tetapi sayangnya Persama telah dikuburkan sebelum sempat membela kepentingan para anggota-

nya. Dan Jamil kian me-nyesal melihat nasib para anggota di Studio Jalan Ampas tidak mendapat se-suatu pembelaan sewajarnya bila studio itu di-tutup.

Mereka bertempiran seperti anak-anak ayam kehilangan ibu. Begitu pun Jamil gembira, seba-hagian dari bekas anggo-ta Jalan Ampas itu, me-lalui pengalaman yang di-dapatinya itu, berjaya me-neroka hidup baru yang lebih baik. Lebih menda-tangkan faedah. Ada pu-la yang kurang bernasib baik.

oleh



JAMIL SULONG

Berada di sini untuk penggambaran filem "Permintaan Terakhir"





● SALAH satu adegan dalam filem 'Permintaan Terakhir' — sebuah filem tawarna Merdeka Filem yang diarahkan oleh Jamil Sulong. Dari kiri ialah Nozi, Fauziah (pelakon utama) Ahmad Daud dan Saadiah.

Related Articles



Suka-duka sebagai orang filem di Singapura tetap dikenang Aziz

Berita Harian 14 December 1975

Suka-duka sebagai orang filem di Singapura tetap dikenang Aziz Sulaima...

Allahyarham P.Ramlee seniman yg tiada tandingnya

Berita Harian 31 July 1977

Allahyarham P.Ramlee seniman yg tiada tandingnya Sulaiman Jeem &g...

Bakar Ali jurugambar yg sukar dicar tandingannya

Berita Harian 10 November 1974

Bakar Ali jurugambar yg sukar dicar tandingannya sulaiman jeem mengena...

